

# PBAKL2017: DBP lebih serius

Tawar aktiviti menarik, lancar 100 judul baharu

Foto: SHARIFUDIN ABDUL RAHIM

SITI NURSYAHIDAH ABU BAKAR

**KUALA LUMPUR** - Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2017 (PBAKL2017) yang berlangsung 28 April hingga 7 Mei ini bakal menyaksikan penglibatan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dalam skala lebih besar.

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) DBP, Kamarul Zaman Shaharudin berkata, tahun ini merupakan penglibatan ketiga DBP selepas mengambil alih semula fungsi komersial penerbitan daripada syarikat konsesi pada penghujung tahun 2014.

"Pada PBAKL2015, kehadiran kita tak berapa disedari, namun pada PBAKL2016 kita hadir dengan lebih teratur. Tahun ini kita menambah tak keseriusan supaya masyarakat melihat DBP sebagai pemain penting dalam penerbitan."

kita ada pelbagai aktiviti dan kelainannya ialah kita hidang apa yang orang mahu lihat mengenai DBP.

"Misalnya, kita bawa kegiatan bersifat sayembara, penataran dan ceramah yang mungkin tidak biasa dalam pesta buku. Bagaimanapun, aktiviti-aktiviti ini telah diatur agar bersesuaian dengan pelbagai peringkat sama ada dewasa, remaja mahupun kanak-kanak," katanya.

Antara yang pasti dapat perhatian pengunjung ialah penampilan tokoh di reruai DBP yang berbeza daripada tahun sebelum.

"Tahun ini kita bawa tokoh penulis yang hebat seperti Tan Sri Johan Jaafar dengan buku terkininya, *Jejak Seni* untuk bertemu peminat. Kita juga ada penulis seperti Ramlee Awang Murshid, Ahmad Patria, Nisa Haron dan Fahmi Faiz.



Kamarul Zaman menunjukkan buku yang boleh didapati di PBAKL2017.

ustri.  
"Walaupun dengan keadaan peruncitan buku yang agak lemah kini berbanding beberapa tahun lalu, ia tidak menghalang DBP hadir dengan lebih agresif bagi membolehkan masyarakat mendapat terbitan terbaik daripada DBP," katanya kepada *Sinar Harian*, baru-baru ini.

Beliau berkata, selain diskaun bahan bacaan sehingga 70 peratus, banyak aktiviti disusun atur bagi memberi 'pemberitahuan' kepada pengunjung mengenai kehadiran semula DBP secara serius dalam pasaran buku.

"Konsep kita bukan ber-cisar kepada menjual buku semata-mata, tetapi kita menghendaki DBP di tengah-tengah PBAKL 2017. Sebab itu

"Tidak ketinggalan ialah kehadiran pengacara terkenal, Datuk Aznil Nawawi bagi meraikan sambutan 50 tahun majalah *Dewan Pelajar*."

Mufti Perlis, Datuk Dr Mohd Asri Zainul Abidin akan turut hadir di gelanggang DBP pada slot Sembang Majalah Dewan Tamadun Islam, manakala Imam Muda Asyraf akan mempromosikan Wakaf Buku DBP yang merupakan kerjasama dengan Perbadanan Wakaf Selangor," katanya.

Selain itu, Kamarul Zaman berkata, kira-kira 100 judul baharu akan turut dilancarkan iaitu jumlah terbanyak dalam sejarah penglibatan DBP di PBAKL.

"Pelancaran buku ini signifikan terutama dalam soal membina kepelbagaian

ilmu di negara kita. Antara menarik ialah pelancaran buku ditulis pakar perubatan yang akan turut diselitkan dengan ceramah kesihatan.

"Jadi pengunjung bukan saja saksikan pelancaran buku, tetapi dapat bertemu pakar perubatan tanpa bayaran," katanya.

Bagi memeriahkan lagi kehadiran pengunjung, menurut Kamarul Zaman, DBP turut menyediakan pelbagai hadiah menarik.

"Bagi setiap pembelian RM100 dan ke atas dalam satu resit, pengunjung layak menyertai peraduan untuk cabutan bertuah hadiah harian selama 10 hari bernilai RM11,500.

"Mereka juga berpeluang

merebut hadiah utama iaitu tiga jongsong emas bernilai RM2,500 setiap satu dan satu jongsong emas bernilai RM8,000. Jadi, kepada pengunjung PBAKL 2017, jangan lupa singgah ke reruai DBP," katanya.

Ditanya saingan daripada penerbit buku lain khususnya yang tampil dengan aliran buku indie dan alternatif, beliau berkata, DBP melihat dari sudut positif.

"Kehadiran kita di PBAKL 2017 bukan untuk bersaing dengan penerbit lain, sebaliknya kita saling melengkapi. Penerbit-penerbit buku alternatif dan indie ini ada cara tersendiri dan saya fikir kita harus galakkan serta raihan variasi ini.

"DBP tak perlu tukar haluan nak jadi seperti mereka kerana kita juga ada kekuatan dan pesona sendiri yang perlu kita perteguhkan. Cuma kemungkinan ada penyesuaian dari segi penerbitan dan aktiviti untuk tarik golongan muda ke arah bahan bacaan lebih membina," katanya.

### **Mahu jenama DBP kembali diingati**

Dalam perkembangan lain, Kamarul Zaman turut

berkongsi perancangan DBP pada tahun ini.

Beliau mengakui, DBP berdepan cabaran besar sejak mengambil alih daripada syarikat konsensi lebih-lebih lagi dengan keadaan ekonomi tidak menentu ketika ini.

"Faktor ekonomi mengakibatkan kos sara hidup meningkat dan pendapatan boleh belanja menurun dengan banyak. Dalam situasi ini, antara barang yang menjadi korban awal masyarakat ialah bahan bacaan.

"Cabaran ini beri tekanan kepada DBP dan sebab itu selepas ambil alih, kita kena cari kaedah untuk hadapinya. Ia bukan satu tugas mudah, namun penyesuaian harus dibuat agar DBP tidak ketinggalan," katanya.

Disebabkan itu, katanya, DBP turut meneroka cabang elektronik bagi memasarkan bahan bacaan terbitannya selain meneruskan percetakan secara konvensional.

"Peralihan ke arah elektronik ini bukan bermakna buku fizikal tidak lagi dapat sambutan. Buku fizikal tidak akan ditelan zaman cuma penerbitan elektronik kepada mereka yang biasa dengan gajet.

"Sasarannya juga lebih

kepada bahan bacaan yang mempunyai permintaan agak rendah tetapi perlu diterbitkan. Ini termasuklah bahan bacaan dalam bidang ilmu yang sangat terhad atau kurang dibaca," katanya.

Menurut beliau, menjadi tanggungjawab DBP sebagai sebuah agensi untuk membina masyarakat dalam pelbagai bidang ilmu.

"Untuk pastikan ilmu itu ada, tetapi kena sesuaikan dengan permintaan yang sedikit, kita terbitkan dalam bentuk elektronik. Kalau dicetak, ia akan dijual dengan harga mahal," katanya.

Selain itu, Kamarul Zaman berkata, DBP juga giat mendekati masyarakat melalui pendekatan kedai buku bergerak atau dikenali sebagai Ujana Buku DBP.

"Apabila kita bawa kedai buku bergerak ini ke sekolah dan pelbagai program di seluruh negara, sedikit sebanyak jenama DBP sudah mula diingati kembali.

"Kita juga berunding untuk anjur pesta buku sendiri bersama pihak lain di luar musim biasa. Semua perancangan diatur ini bagi pastikan penjenamaan semula DBP dapat perhatian masyarakat," katanya.

**Walaupun dengan keadaan peruncitan buku yang agak lemah kini berbanding beberapa tahun lalu, ia tidak menghalang DBP hadir dengan lebih agresif bagi membolehkan masyarakat mendapat terbitan terbaik daripada DBP."** - Kamarul Zaman

